

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHL 343 - Puisi Indonesia Moden

Masa : [3 jam]

---

Pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

... 2/-

1. Bincangkan persoalan dan nilai keindahan sajak-sajak Amir Hamzah yang terdapat di dalam kumpulan Nyanyi Sunyi.

(100 markah)

2. Di dalam mencipta puisi baru, para penyair Angkatan 45 bukan sahaja membuat perbezaan mengenai gaya pengucapan, malah juga di dalam pandangan (visi) terhadap manusia dan kemanusiaan berbanding dengan penyair-penyair Pujangga Baru. Bahaskan pendapat tersebut berdasarkan contoh-contoh yang jelas.

(100 markah)

3. Apakah yang anda tahu tentang LEKRA? Pada pendapat anda sejauhmanakah penyair-penyair LEKRA berjaya memeralatkan sajak untuk kepentingan politik golongan kiri?

(100 markah)

4. Bincangkan dengan kritis mengenai Angkatan 66 daripada segi:

- (a) latar belakang penubuhan;
- (b) tema dan persoalan sajak-sajak mereka;
- (c) sikap penyair.

(100 markah)

5. W.S. Rendra merupakan seorang penyair yang memperjuangkan nasib masyarakat golongan bawahan. Bincangkan pendapat itu berdasarkan salah sebuah kumpulan sajaknya yang anda kaji.

(100 markah)

... 3/-

6. Apakah yang anda faham tentang pendekatan Struktural dan Semiotik? Berdasarkan pendekatan-pendekatan tersebut, buat satu ulasan yang menyeluruh mengenai sajak "Padamu Jua" yang terdapat di dalam Lampiran A.

(100 markah)

7. Kaji dengan teliti sajak "Tragedi Winka & Sihka" dan sajak "Q" karya Sutardji Calzoum Bachri (di dalam lampiran B), kemudian berikan tafsiran makna sajak-sajak tersebut berdasarkan struktur pembinaan dan isi masing-masing. Pada pendapat anda sejauhmanakah sajak-sajak yang mementingkan tipografi seperti itu memainkan peranan di dalam perkembangan puisi moden?

(100 markah)

... 4/-

LAMPIRAN A

PADAMU JUA

Habis kikis  
Segala cintaku hilang terbang  
Pulang kembali aku padamu  
Seperti dahulu

Kaulah kandil kemerlap  
Pelita jendela dimalam gelap  
Melambai pulang perlahan  
Sabar, setia selalu

Satu kekasihku  
Aku manusia  
Rindu rasa  
Rindu Rupa

Dimana engkau  
Rupa tiada  
Suara sayup  
Hanya kata merangkai hati

Engkau cemburu  
Engkau ganas  
Mangsa aku dalam cakarmu  
Bertukar tangkap dengan lepas

Nanar aku, gila sasar  
Sayang berulang padamu jua  
Engkau pelik menarik angin  
Serupa dara dibalik tirai

Kasihmu sunyi  
Menunggu seorang diri  
Lalu waktu - bukan giliranku  
Mata hari - bukan kawanku ...

Amir Hamzah  
Dari: Nyanyi Sunyi

... 5/-

LAMPIRAN B

TRAGEDI WINKA & SIHKA

kawin  
  kawin  
    kawin  
      kawin  
        kawin  
          ka  
          win  
          ka  
          win  
          ka  
          win  
          ka  
          win  
          ka  
          win  
          ka  
          winka  
          winka  
          sihka  
          sihka  
          sihka  
          sihka  
          sih  
          ka  
          sih  
          ka  
          sih  
          ka  
          sih  
          ka  
          sih  
          ka  
          sih  
          sih  
          sih  
          sih  
          sih  
          sih  
          sih  
          sih  
          sih  
          sih  
          sih  
          sih  
          ka  
          Ku  
          (O, Amuk, Kapak, 1981.38)

... 6/-

LAMPIRAN B

Q

!!  
 !!!  
 !     !!     !!  
 !     a  
 lif     !!  
 la  
 lam  
 m   m   m   m   m   m   m   m   m   m   m  
       i i   iii   i i i i i ü  
 m m m   m m m m m m m m m m m m m m m m

ooo0ooo